



*Draf*  
RANCANGAN TEMPATAN DAERAH  
**BESUT 2035**  
( P E N G G A N T I A N )

JILID 3: LAPORAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN





**Jilid 3**

# **LAPORAN PENGURUSAN, PELAKSANAAN DAN PANGKALAN DATA GIS**



**OGOS 2021**



**PLAN**Malaysia  
Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*





SENARAI KANDUNGAN

|                                                                                         | MUKA SURAT |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| <b>1.0 PENGENALAN</b>                                                                   | <b>1-1</b> |
| 1.1 Matlamat Pembangunan                                                                | 1-2        |
| 1.2 Pemacu Pertumbuhan Daerah Besut 2035                                                | 1-3        |
| 1.3 Sasaran Pencapaian Daerah Besut 2035                                                | 1-4        |
| 1.4 Outcome Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                          | 1-7        |
| <b>2.0 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BESUT 2035 (PENGANTIAN)</b> | <b>2-1</b> |
| 2.1 Pengurusan Dan Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)       | 2-2        |
| 2.2 Peneraju Projek Dan Pembiayaan                                                      | 2-3        |
| 2.3 Projek Keutamaan Daerah Besut 2035                                                  | 2-5        |
| 2.3.1 Projek Berimpak Tinggi/ High Impact                                               | 2-7        |
| 2.3.2 Projek Quick Win                                                                  | 2-10       |
| 2.4 Projek Yang Melibatkan Majlis Daerah Besut Sebagai Agensi Pemula                    | 2-15       |
| 2.5 Perincian Projek RTD Besut 2035                                                     | 2-18       |
| 2.6 Pelaksanaan Projek-Projek Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)        | 2-31       |
| <b>3.0 PANGKALAN DATA GIS</b>                                                           | <b>3-1</b> |
| 3.1 Pengenalan                                                                          | 3-2        |
| 3.2 Perolehan Dan Kemasukan Data                                                        | 3-2        |
| 3.3. Rekabentuk Pangkalan Data                                                          | 3-4        |
| 3.4 Penyediaan Metadata                                                                 | 3-5        |

| SENARAI CARTA  |                                                                                                                              | MUKA SURAT |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1            | Teras Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian                                                          | 1-2        |
| 1.2            | Pemacu Pertumbuhan Daerah Besut 2035                                                                                         | 1-3        |
| 1.3            | Outcome Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                                                                   | 1-7        |
| 2.1            | Peraturan Projek Mengikut Teras Perancangan                                                                                  | 2-2        |
| 2.2            | Jumlah Projek Mengikut Teras Dan Peneraju                                                                                    | 2-3        |
| 2.3            | Pecahan Kos Pembiayaan                                                                                                       | 2-4        |
| 2.4            | Jumlah Projek Mengikut Kategori                                                                                              | 2-5        |
| 2.5            | Kos Projek Mengikut Kategori                                                                                                 | 2-5        |
| 3.1            | Statistik Bilangan Lapisan Data Yang Terdapat Di Dalam Pangkalan Data GIS Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) | 3-2        |
| 3.2            | Rekabentuk Pangkalan Data GIS Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                                             | 3-4        |
| SENARAI JADUAL |                                                                                                                              | MUKA SURAT |
| 2.1            | Fasa Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                                                          | 2-2        |
| 2.2            | Aspek Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                                                  | 2-2        |
| 2.3            | Bilangan Projek Mengikut Teras Perancangan                                                                                   | 2-2        |
| 2.4            | Pembahagian Projek dan Jumlah Kos Pembangunan Mengikut Peneraju                                                              | 2-3        |
| 2.5            | Cadangan Projek, Peneraju dan Jumlah Kos Pembangunan Mengikut Teras Pembangunan                                              | 2-3        |
| 2.6            | Projek High Impact, Projek Quick Win dan Projek Enabler Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)                   | 2-5        |
| 2.7            | Senarai Projek Berimpak Tinggi di Bawah Teras 2                                                                              | 2-7        |
| 2.8            | Senarai Projek Berimpak Tinggi di Bawah Teras 3                                                                              | 2-7        |
| 2.9            | Projek-Projek High Impact RTD Besut 2035                                                                                     | 2-8        |
| 2.10           | Projek-Projek Quick Win RTD Besut 2035                                                                                       | 2-10       |
| 2.11           | Majlis Daerah Besut Sebagai Agensi Pemula Projek                                                                             | 2-15       |
| 2.12           | Perincian Projek Mengikut Teras Dan Strategi Pembangunan                                                                     | 2-18       |
| 2.13           | Jawatankuasa Penting Dalam Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                                    | 2-31       |
| 3.1            | Senarai Data Dan Status Perolehan Data Geospatial Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)                         | 3-3        |
| SENARAI RAJAH  |                                                                                                                              | MUKA SURAT |
| 2.1            | Taburan Projek Berimpak Tinggi (HIP)                                                                                         | 2-6        |

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

Laporan Jilid III Draf Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) merupakan laporan sokongan yang memperincikan perihal pengurusan dan pelaksanaan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan mampan cadangan-cadangan sehingga hujung tahun perancangan 2035. Laporan ini akan memperincikan:

1. Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)
2. Peneraju Projek dan Pembiayaan
3. Projek Keutamaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)  
- Fasilitator pembangunan iaitu pengenaltastian projek utama dan memberi impak besar kepada Daerah Besut
4. Projek dan program yang melibatkan Majlis Daerah Besut sebagai agensi pemula
5. Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) mengikut Teras, Fasa Pelaksanaan, Agensi Pemula dan Kos Pembangunan

# 1.1 MATLAMAT PEMBANGUNAN

Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) menterjemahkan wawasan negeri, iaitu Terengganu Sejahtera 2050 di peringkat daerah dalam bentuk strategi, inisiatif pembangunan dan projek-projek yang tersusun. Wawasan pembangunan negeri oleh Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 merupakan tunjang penting dalam asas pembentukan pendekatan strategik *vision based* kajian RTD Besut 2035 (Penggantian).

## Matlamat Pembangunan Daerah Besut

Matlamat Pembangunan Daerah Besut adalah seperti berikut:

*Membangunkan Daerah Besut sebagai pemacu pertumbuhan Zon Promosi  
Pembangunan Wilayah Utara Negeri Terengganu ke arah kehidupan rakyat yang  
berkualiti*

### Tagline

*Memacu kehidupan perbandaran sejahtera dari hutan hujan ke taman laut  
Daerah Besut, destinasi semulajadi anda*

## Matlamat Pembangunan Negeri Terengganu

“NEGERI MAJU, BERKAT  
DAN SEJAHTERA BAGI  
MEMACU KEHIDUPAN  
RAKYAT BERKUALITI,  
PERTUMBUHAN  
SOSIOEKONOMI SAKSAMA,  
PEMBANGUNAN DAN  
ALAM SEKITAR LESTARI”

### Tagline

TERENGGANU SEJAHTERA  
2050

## Teras Perancangan Daerah Besut

Lima (5) teras perancangan akan memandu dalam pembangunan kawasan RTD Besut 2035 (Penggantian) seperti yang ditunjukkan di Carta 1.1.


Carta 1.1: Teras Perancangan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)



## 1.2 PEMACU PERTUMBUHAN DAERAH BESUT 2035

Doktrin Perancangan Sejagat, iaitu “hubungan manusia dengan pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar” yang menjadi asas perancangan dalam negara telah diterjemahkan dalam pencapaian Daerah Besut sebagai daerah mampan dan sejahtera, selaras dengan pencapaian **TERENGGANU SEJAHTERA 2050**. Penterjemahan doktrin perancangan sejagat akan mencakupi kedua-dua bahagian persekitaran daratan dan lautan untuk memastikan kesinambungan perancangan bagi spektrum yang menyeluruh.

Tiga (3) falsafah Doktrin Perancangan Sejagat yang menjadi rujukan langkah-langkah perancangan Daerah Besut 2035 adalah:



Pemacu Pertumbuhan Daerah Besut 2035 dipilih dikalangan sektor-sektor utama daerah dan menjadi fokus pertumbuhan penting di dalam menyelaraskan semula perancangan pembangunan daerah dan menyokong perubahan hala tuju pembangunan oleh Negeri Terengganu rujuk Carta 1.2.

Carta 1.2: Pemacu Pertumbuhan Daerah Besut 2035

### 7 Pemacu Pembangunan Daerah Besut 2035




### 1.3 SASARAN PENCAPAIAN DAERAH BESUT 2035

RTD Besut 2035 (Penggantian) telah menyediakan sasaran pencapaiannya berdasarkan matlamat pembangunan, konsep dan strategi pembangunan, serta unjuran-unjuran sektoral. Sasaran pencapaian Daerah Besut 2035 adalah seperti berikut.

#### Penduduk Daerah

Berdasarkan KPPT 2.29%, disasarkan peningkatan jumlah penduduk Daerah Besut seramai 71,097 orang, iaitu dari 175,800 orang (2020) kepada 246,897 orang (2035).




#### Hierarki Perbandaran

Tiga (3) Pusat Petempatan Utama (PPU) telah dibangunkan, iaitu PPU Jertih, Kg. Raja dan Kuala Besut. Dalam tempoh perancangan RTD Besut 2035, hierarki petempatan Jertih dinaik taraf kepada PSWN, manakala Tembila dicadangkan sebagai PPU baharu.




#### Penduduk Kemiskinan

Pada tahun 2020, dianggarkan terdapat seramai 1,331 orang penduduk miskin. Namun, SIFAR kemiskinan adalah disasarkan, iaitu impak ekonomi susulan daripada penglibatan masyarakat Besut dalam cadangan projek/ program RTD Besut 2035 (Penggantian).



#### Hasil Pertanian


Berikutan dengan sasaran hasil padi negara, hasil pengeluaran padi disasarkan meningkat dari 61,836 tan (2019) kepada 87,841 tan pada tahun 2035. Untuk bekalan daging, RTDB 2035 mensasarkan peningkatan daripada 251 tan (2019) kepada 1,630 tan pada tahun 2035, selaras dengan peningkatan jumlah dan keperluan penduduk.



\* Diandaikan penduduk miskin daerah meningkat sebanyak 20% daripada catatan jumlah 2019, akibat penularan pandemik Covid-19.

Industri Desa

Isirumah yang terlibat dalam sektor industri desa disasarkan meningkat daripada 5,357 buah (2020) kepada 9,924 buah pada tahun 2035, iaitu 18% daripada jumlah isirumah Daerah Besut.




Kedatangan Pelancong

Kedatangan pelancong disasar meningkat daripada 325,595 orang (2019) kepada 527,741 orang pada tahun 2035 dengan KPPT sebanyak 4%. 40% (211,096 orang) dari jumlah pelancong disasarkan melancong ke tanah besar Besut, manakala selebihnya (316,645 orang) akan melancong ke Kepulauan Taman Laut Pulau Perhentian.

| Pelancong                       | 2019             | 2035             |
|---------------------------------|------------------|------------------|
| Daerah Besut                    | 325,595          | 527,741          |
| Pulau Perhentian dan Taman Laut | 250,458<br>(77%) | 316,645<br>(60%) |
| Tanah Darat                     | 75,137<br>(23%)  | 211,096<br>(40%) |


Kawasan Lapang dan Rekreasi

Pada tahun 2019, terdapat 2 taman bandaran, iaitu di Pantai Air Tawar dan Pengkalan Nyireh. Dalam tempoh perancangan 2035, penambahan penyediaan satu Taman Wilayah Besut Wetland dan satu taman bandar baharu Jertih disasarkan berikutan perancangan Jertih sebagai PSWN.




Rumah Mampu Milik

Berikutan permintaan semasa dan pertambahan penduduk pada masa akan datang, jumlah rumah mampu milik disasarkan meningkat daripada 3,007 unit kepada 18,635 unit pada tahun 2035.




Kemudahan Kesihatan

Peningkatan penduduk daerah meningkatkan keperluan penyediaan bilangan dan keluasan kemudahan kesihatan daripada 7.5 hektar (2020) kepada 66.7 hektar pada tahun 2035, dengan pembangunan hospital baharu di Tembila serta penaiktarafan kemudahan yang merangkumi klinik kesihatan dan pusat kawalan penyakit berjangkit.



Bekalan Air

Hasil penaiktarafan sistem pengagihan bekalan air, NRW disasarkan berkurangan daripada 25.44% (2020) kepada 23.17% pada tahun 2035. Permintaan bekalan air disasarkan meningkat daripada 49.23 JLD (2020) kepada 68.78 JLD pada tahun 2035, berikutan dengan peningkatan jumlah penduduk dan pertumbuhan ekonomi.




Rangkaian Perhubungan Wilayah

Dalam tempoh perancangan 2035, rangkaian perhubungan wilayah antara Daerah Besut dengan persekitarannya disasarkan untuk dipertingkatkan dengan penambahan pembangunan Lebuhraya Pantai Timur (LPT3) dan landasan ECRL, berbanding dengan hanya rangkaian Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri pada masa kini.



Pengurusan dan Pentadbiran


Pada tahun 2035, status Majlis Daerah Besut disasarkan untuk penaiktarafan kepada Majlis Perbandaran.



## 1.4 OUTCOME RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BESUT 2035 (PENGgantian)

Cadangan-cadangan pengurusan dan pelaksanaan RTD Besut (Penggantian) 2035 telah mengambil kira *Outcome* RT yang didasarkan seperti di Carta 1.3.

Carta 1.3: *Outcome* Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)



*Muka surat ini sengaja ditinggalkan kosong.*

# **BAB 2**

## **PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BESUT 2035 (PENGGANTIAN)**

## 2.1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BESUT 2035

Pengurusan dan Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) meneliti cadangan-cadangan membangunkan Daerah Besut melalui projek-projek dan program-program yang dirancang dan merumuskan kaedah pelaksanaan, pengurusan projek dan anggaran kos projek dan fasa pelaksanaannya. Penumpuan diberikan kepada projek-projek utama dari senarai keseluruhan projek yang dikenalpasti. Sebahagian dari projek-projek ini merupakan projek yang boleh disertai/dilaksanakan oleh Majlis Daerah Besut. Projek-projek utama MDB boleh meningkatkan sumber ekonomi majlis melalui pelbagai alternatif pelaksanaannya. Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) juga akan mencadangkan sumber-sumber kewangan serta kaedah pelaksanaan lain seperti pengukuhan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta serta penglibatan penduduk.

Cadangan-cadangan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) telah dikemukakan dengan fasa pelaksanaan projek pula melibatkan pecahan mengikut fasa tahun-tahun Rancangan Malaysia seperti Jadual 2.1 berikut.

Jadual 2.1: Fasa Pelaksanaan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)

| Fasa Pelaksanaan | Jangka Pendek         | Jangka Sederhana      | Jangka Panjang        |                                         |
|------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------------------------|
| Tahun            | RMK-12<br>(2021-2025) | RMK-13<br>(2026-2030) | RMK-14<br>(2031-2035) | Selepas RMK 14<br>(Sehingga tahun 2050) |

Aspek pelaksanaan lain yang diteliti ialah aspek pihak pelaksanaan bermula dari peringkat perancangan/peneraju, pihak pelaksana dan pihak pengurusan. Aspek lain pengurusan projek yang dikenal pasti ialah anggaran kos projek dan sumber kewangan bagi melaksanakan projek. Rujuk cadangan seperti Jadual 2.2 berikut.

Jadual 2.2: Aspek Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)


| Agensi Pelaksana | Peneraju                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Pelaksana | Pengurusan |
|------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|------------|
| Anggaran Kos     | Di dalam Ringgit Malaysia berdasarkan harga semasa (2020)                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |           |            |
| Sumber Kewangan  | <div>1. Sama ada projek akan dibiayai oleh swasta atau kerajaan.</div> <div>2. Sekiranya pihak kerajaan adakah ia melibatkan kewangan pihak Berkuasa Tempatan, pihak Kerajaan Negeri Terengganu atau pun sumber kewangan dari Kerajaan Persekutuan samada dari bajet kementerian dan jabatan-jabatan</div> <div>3. Projek-projek penswastaan (awam-swasta)</div> |           |            |

Sejumlah **193** cadangan oleh Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) melibatkan teras-teras berikut (rujuk Jadual 2.3). Teras 3 : Kesejahteraan Kehidupan Rakyat menerajui jumlah cadangan terbanyak iaitu 48.19% dari keseluruhan cadangan. Cadangan Teras 4 walaupun dengan jumlah paling rendah tidak bermaksud bahawa teras ini kurang diberikan perhatian. Cadangan-cadangan dari Teras 4 dan 5 ini lebih bertumpu kepada kawalan kawasan-kawasan KSAS dan cadangan berkaitan pentadbiran. Rujuk Carta 2.1 untuk perincian projek dan program menurut teras pembangunan.

Jadual 2.3 : Bilangan Projek Mengikut Teras Perancangan

| Teras Perancangan |                                                                 | Jumlah | Peratus (%) |
|-------------------|-----------------------------------------------------------------|--------|-------------|
| 1                 | Pembangunan Guna Tanah Bersepadu dan Seimbang                   | 18     | 9.3         |
| 2                 | Pembangunan Ekonomi Berdaya Tahan dan Sejahtera                 | 67     | 34.7        |
| 3                 | Peningkatan Kesejahteraan Kehidupan Rakyat                      | 93     | 48.2        |
| 4                 | Pengarusperdanaan Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Semulajadi | 8      | 4.1         |
| 5                 | Peningkatan Keberkesanan Tadbir Urus dan Daya Laksana           | 7      | 3.6         |
| Jumlah            |                                                                 | 193    | 100.00      |

Carta 2. 1: Peratusan Projek Mengikut Teras Perancangan



## 2.2 PENERAJU PROJEK DAN PEMBIAYAAN

Dari keseluruhan 193 projek, 153 projek (79.3%) darinya diteraju oleh kerajaan manakala 40 projek (20.7%) diteraju oleh swasta ataupun secara usahasama awam-swasta (rujuk Jadual 2.4).

Jadual 2.4 : Pembahagian Projek dan Jumlah Kos Pembangunan Mengikut Peneraju


| Peneraju | Jumlah Projek | Peratus (%) | RM juta  | Peratus (%) |
|----------|---------------|-------------|----------|-------------|
| Kerajaan | 153           | 79.3        | 5,198.04 | 58.0        |
| Swasta   | 40            | 20.7        | 3,764.09 | 42.0        |
| Jumlah   | 193           | 100.0       | 8,962.13 | 100.0       |

Projek-projek dari Teras 3 membentuk jumlah terbesar dari keseluruhan projek-projek kerajaan, antaranya dari projek pembangunan infrastruktur, utiliti dan jalan raya serta dan projek-projek pembangunan kemudahan masyarakat. Bagi projek-projek yang diteraju oleh swasta pula sangat cenderung pada teras ekonomi (Teras 2) iaitu 29 unit projek. Perincian peneraju projek mengikut teras adalah di Carta 2.2 dan Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Cadangan Projek, Peneraju dan Jumlah Kos Pembangunan Mengikut Teras Pembangunan

| Teras Pembangunan |                                                                 | Cadangan Projek |         |        |         |                           |             |
|-------------------|-----------------------------------------------------------------|-----------------|---------|--------|---------|---------------------------|-------------|
|                   |                                                                 | Kerajaan        |         | Swasta |         | Jumlah Projek Keseluruhan | Peratus (%) |
|                   |                                                                 | Jumlah          | Peratus | Jumlah | Peratus |                           |             |
| Teras 1           | Pembangunan Guna Tanah Bersepadu dan Seimbang                   | 17              | 11.1    | 1      | 2.5     | 18                        | 9.3         |
| Teras 2           | Pembangunan Ekonomi Berdaya Tahan dan Sejahtera                 | 38              | 24.8    | 29     | 72.5    | 67                        | 34.7        |
| Teras 3           | Peningkatan Kesejahteraan Kehidupan Rakyat                      | 83              | 54.3    | 10     | 25.0    | 93                        | 48.2        |
| Teras 4           | Pengarusperdanaan Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Semulajadi | 8               | 5.2     | 0      | 0.0     | 8                         | 4.1         |
| Teras 5           | Peningkatan Keberkesanan Tadbir Urus dan Daya Laksana           | 7               | 4.6     | 0      | 0.0     | 7                         | 3.6         |
| Jumlah            |                                                                 | 153             | 100.0   | 40     | 100.0   | 193                       | 100.0       |

Carta 2.2: Jumlah Projek Mengikut Teras Dan Peneraju




Cadangan-cadangan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) melibatkan sejumlah RM 8,962.13 juta kos pembangunan yang terbahagi antara kerajaan dan swasta iaitu dengan nisbah peratus 40:60 (rujuk Jadual 2.5 dan Carta 2.3). Namun begitu, pendekatan pelaksanaan projek-projek Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian) dirancang secara berhati-hati supaya berdaya maju iaitu tidak melibatkan kos implikasi yang terlalu tinggi dan tekanan kepada pihak awam untuk menampung pelaksanaannya. Projek-projek kerajaan melibatkan peruntukan kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan perlu dipanjangkan melibatkan beberapa rancangan Malaysia untuk pelaksanaan.

Terdapat beberapa projek yang diteraju pihak swasta merupakan projek penswastaan yang mana ia dimulakan oleh kerajaan misalnya projek Bandar Baharu Lestari Jertih dan projek pembangunan Seberang Kastam *Quayside* dan kebanyakan projek ini berskala besar dan mengambil masa pelaksanaan lebih panjang bergantung kepada proses pelaksanaan Terminal Bersepadu ECRL (TOD) dan Kompleks Jeti Pelancong di Seberang Kastam, selanjutnya usaha menarik masuk pelaburan luar ke Daerah Besut. Projek penswastaan ini memerlukan langkah pelaksanaan yang kemas dari mula peringkat menarik masuk pelaburan hingga pelaksanaan supaya kepentingan awam dijaga dan projek memberi pulangan terbaik kepada rakyat.

**Pelaburan masuk swasta** lebih RM3,764.09 juta ini akan dilaburkan di Daerah Besut sepanjang 30 tahun perancangan (melangkaui tahun perancangan bagi projek-projek mega seperti Bandar Baharu Lestari), iaitu dari tahun 2020 sehingga 2050, dan ini adalah kira-kira sejumlah purata **RM 125 juta setahun**. Pelaburan masuk ini dijangka akan terus memacu pembangunan daerah dan kemajuan ekonomi.

Carta 2.3: Pecahan Kos Pembiayaan



Walau bagaimanapun, komitmen kerajaan di dalam pembangunan projek-projek infrastruktur dan utiliti seperti bekalan air, tebatan banjir dan pembangunan jalanraya menyaksikan sejumlah besar peruntukan kerajaan oleh pelbagai agensi dan sebahagiannya akan dilaksanakan melangkaui tahun perancangan memandangkan kos keseluruhan yang agak tinggi, namun perlu diteruskan kerana ia merupakan projek-projek *enabler*.

Pembiayaan pihak swasta dalam bentuk pelaburan termasuk melalui pendekatan penswastaan tertumpu di dalam projek-projek pembangunan ekonomi dan kaedah penswastaan ini memberi peluang menang-menang untuk kedua-dua pihak awam dan swasta. Keupayaan kewangan pihak kerajaan yang terhad perlu diseimbangkan dengan mengajak pihak swasta memajukan tanah pembangunan melalui kaedah *land swap* atau penawaran hak (*development rights*) memajukan ruang lantai komersial dengan syarat mereka membantu membangunkan bangunan institusi dan kemudahan awam termasuk bagi tujuan sewaan. Rujuk Jadual 2.5 untuk perincian.

Perancangan projek-projek Teras 4 tidak melibatkan pembiayaan swasta secara langsung. Ia merupakan komitmen kerajaan untuk mengawal dan memberi impak yang ketara kepada persekitaran kawasan Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian). Persekitaran semula jadi dan ekosistem dengan biodiversiti yang terpelihara dan pembangunan eko-pelancongan bertujuan menarik minat lebih ramai pelancong *high value* yang datang termasuk pelancong antarabangsa, menggalakkan pelancong membuat lawatan ulangan dan berbelanja dengan lebih baik. Dengan cara itu, pulangan dari aktiviti-aktiviti perbandaran (komersial) dan pelancongan akan berganda dan ia akan memberi pulangan pendapatan kepada penduduk serta meningkatkan hasil pulangan kepada Majlis Daerah Besut dalam bentuk kutipan hasil cukai.

## 2.3 PROJEK KEUTAMAAN DAERAH BESUT 2035




RTD Besut 2035 (Penggantian) menyediakan cadangan-cadangan projek keutamaan iaitu projek *High Impact*, projek *Quick Win* dan projek *Enabler* sebagai output kajian utama berdasarkan kepada *outcome-outcome* yang disasarkan oleh daerah. Projek-projek keutamaan dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun perancangan RTD Besut 2035 (Penggantian) mengikut fasa-fasa pelaksanaan berdasarkan Rancangan Malaysia setiap 5 tahun dan melangkaui sehingga 30 tahun bagi projek-projek mega dan memerlukan kemasukan nilai pelaburan yang tinggi.

Dari sejumlah 193 projek/program, 18 buah projek (9.3%) telah dikenalpasti sebagai projek berimpak tinggi Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian). 70 buah projek pula merupakan projek *quick win* (36.3%) dan 105 buah projek *enabler* (54.4%). Rujuk Jadual 2.6 dan Carta 2.4 serta Carta 2.5 untuk perincian jumlah dan peratusan. Rajah 2.1 menunjukkan taburan projek-projek berimpak tinggi Daerah Besut.


Jadual 2.6 : Projek *High Impact*, Projek *Quick Win* dan Projek *Enabler* Rancangan Tempatan Daerah Pekan 2035 (Penggantian)

| Kategori           | Teras 1 |       | Teras 2 |       | Teras 3 |       | Teras 4 |       | Teras 5 |       | Jumlah |       |
|--------------------|---------|-------|---------|-------|---------|-------|---------|-------|---------|-------|--------|-------|
|                    | Bil.    | %     | Bil.    | %     | Bil.    | %     | Bil.    | %     | Bil.    | %     | Bil.   | %     |
| <i>High Impact</i> | 0       | 0.0   | 8       | 11.9  | 9       | 9.7   | 0       | 0.00  | 1       | 14.3  | 18     | 9.3   |
| <i>Enabler</i>     | 16      | 88.9  | 34      | 50.7  | 42      | 45.2  | 8       | 100.0 | 5       | 71.4  | 105    | 54.4  |
| <i>Quickwin</i>    | 2       | 11.1  | 25      | 37.3  | 42      | 45.2  | 0       | 0.00  | 1       | 14.3  | 70     | 36.3  |
| Jumlah             | 18      | 100.0 | 67      | 100.0 | 93      | 100.0 | 8       | 100.0 | 7       | 100.0 | 193    | 100.0 |


Projek atau inisiatif berimpak tinggi merupakan cadangan projek yang berpotensi, strategik dan memberi impak besar kepada pembangunan Daerah Besut pada masa akan datang, dalam aspek fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Antaranya merangkumi projek-projek yang berkepentingan daerah dan negeri, bersifat *enablers* RTDB 2035, boleh menangani isu strategik pembangunan Daerah Besut, serta mencapai matlamat dan visi pembangunan negeri.




Carta 2.4: Jumlah Projek Mengikut Kategori



Carta 2.5 : Kos Projek Mengikut Kategori



Rajah 2.1 Taburan Projek Berimpak Tinggi (HIP)



### 2.3.1 PROJEK BERIMPAK TINGGI/ HIGH IMPACT

Keseluruhannya terdapat 18 projek berimpak tinggi di dalam perancangan RTD Besut 2035 (Penggantian), dengan 9 (50.0%) iaitu lebih separuh merupakan projek di bawah teras 3, 8 projek (44.4%) berimpak tinggi telah dirancang di bawah Teras 2 dan 1 projek di bawah teras 5 (5.6%). Tiada projek berimpak tinggi di bawah Teras 1 kerana teras ini merangkumi cadangan-cadangan kawalan pengezonan.

Projek-projek berimpak tinggi bagi Teras 2 merangkumi sektor ekonomi primer, sekunder dan tertiar bagi mengimbangi pembangunan bandar dan luar bandar serta menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti ekonomi daerah (rujuk Jadual 2.7).

**Jadual 2.7: Senarai Projek Berimpak Tinggi di Bawah Teras 2**

| Bil. | Cadangan                                                                                                                                               |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | PT 6 Meningkatkan pembangunan Agro <i>Mix Farm</i> Durian Telor                                                                                        |
| 2.   | PT 12 Menaik taraf Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Besut dan pembangunan Kompleks LKIM Besut 2                                          |
| 3.   | PT 13 Pembangunan dan menaik taraf infrastruktur saliran dan pengairan, serta pemeliharaan sumber air untuk kawasan IADA KETARA dan IADA KETARA Fasa 2 |
| 4.   | PN 9 Pembangunan Seberang Kastam Quayside                                                                                                              |
| 5.   | PI 1 Pembangunan Kawasan Perindustrian Gong Medang Fasa II                                                                                             |
| 6.   | PL 10 Pembangunan Hab Eko-Pelancongan Pulau Perhentian di Pantai Pasir Panjang                                                                         |
| 7.   | PL 16 Pembangunan warisan budaya di Kampung Warisan Kampung Raja                                                                                       |
| 8.   | LA 1 Pembangunan landskap Taman Bandaran Jertih                                                                                                        |

Sebanyak 10 projek dirancang menerusi Teras 3 : Peningkatan Kesejahteraan Kehidupan Rakyat yang merangkumi sektor perumahan, kemudahan masyarakat dan rekreasi, infrastruktur dan utiliti, pengangkutan dan lalu-lintas. Dua Bandar Baharu Lestari (BBL), iaitu BBL Jertih dan BBL Tembila yang merangkumi komponen stesen ECRL, perumahan dan pelbagai kemudahan berkaitan telah dirancang (rujuk Jadual 2.8).

**Jadual 2.8: Senarai Projek Berimpak Tinggi di Bawah Teras 3**

| Bil. | Cadangan                                                                                                                |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | PR 1 Pembangunan Bandar-bandar Lestari                                                                                  |
| 2.   | KM 5 Pembangunan Pusat Keselamatan Risiko Bencana Dan Pusat Kuarantin Wabak Penyakit Berjangkit Di Kg Renek, Mukim Jabi |
| 3.   | KM 17 Pembangunan Hospital Baharu Daerah Besut Bertaraf <i>Pakar Major</i> Di Tembila                                   |
| 4.   | KM 18 Pembangunan Kompleks Pentadbiran Baharu Daerah Besut Di Tembila                                                   |
| 5.   | TLR 4 Pembangunan Taman Wilayah Besut Wetland                                                                           |
| 6.   | IU 26 Pembinaan menara telekomunikasi liputan 4G dan 5G bagi sistem telekomunikasi jalur lebar berkelajuan tinggi       |
| 7.   | JL 1 Pembinaan Persimpangan Bertingkat Di Tembila Untuk Menghubungkan Ke Lebuhraya Pantai Timur 3                       |
| 8.   | JL 2 Pembinaan stesen ECRL Jertih dengan kemudahan sokongan sistem pengangkutan dan lalu lintas                         |
| 9.   | JL 23 Pembinaan Kompleks Jeti Pelancongan Di Seberang Kastam (Seberang Kastam <i>Quayside</i> )                         |

Satu projek dirancang menerusi Teras 5 : Peningkatan Keberkesanan Urus Tadbir dan Daya Laksana merangkumi sektor pengurusan dan pelaksanaan melibatkan cadangan bagi menyasarkan Majlis Daerah Besut dinaiktaraf sebagai Majlis Perbandaran Besut menjelang 2035. Dalam mencapai sasaran tersebut, TU 4 Cadangan Kompleks Majlis Perbandaran Besut di Tembila Dan Pejabat Pentadbiran MDB Di Pulau Perhentian dirancang. Perincian Projek-projek berimpak tinggi yang memerlukan perhatian untuk memastikan kejayaannya adalah seperti di Jadual 2.9 berikut.

Jadual 2.9: Projek-Projek *High Impact* RTD Besut 2035

| STRATEGI PEMBANGUNAN                                                                                                                                                                  |       |                                                                                                                                                  | Agensi Pemula          | Agensi Pelaksana                            | Agensi Pengurusan                                       | Fasa Pelaksanaan |           |           | Kos Projek (RM Juta) |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------|------------------|-----------|-----------|----------------------|
|                                                                                                                                                                                       |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         | 2021-2025        | 2026-2030 | 2031-2035 |                      |
| STRATEGI 2.2: PENINGKATAN PRODUKTIVITI PERTANIAN SECARA KOMERSIAL, BERTEKNOLOGI TINGGI DAN MESRA ALAM                                                                                 |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 1                                                                                                                                                                                     | PT 6  | Pembangunan Agro Mix Farm Durian Telor                                                                                                           | MAFI, Unisza, Swasta   | DOA, DOF, DVS, UnisZA, Swasta               | DOA, DOF, DVS, UnisZA, Swasta, DOF, DVS, UnisZA, Swasta |                  |           |           | 50.0                 |
| 2                                                                                                                                                                                     | PT 13 | Pembangunan dan menaik taraf infrastruktur saliran dan pengairan, serta pemeliharaan sumber air untuk kawasan IADA KETARA dan IADA KETARA Fasa 2 | IADA, KETARA, MARDI    | IADA, KETARA, Swasta                        | IADA, KETARA, Swasta                                    |                  |           |           | 521.0                |
| STRATEGI 2.3: PEMBANGUNAN, PENAIKTARAFAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR PERTANIAN UNTUK MENYOKONG PEMBANGUNAN AKTIVITI PERTANIAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI PERTANIAN DAERAH          |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 3                                                                                                                                                                                     | PT 12 | Menaik taraf Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Besut dan pembangunan Kompleks LKIM Besut 2                                          | MAFI, LKIM, JPS        | LKIM, JPS                                   | LKIM, JPS                                               |                  |           |           | 165.0                |
| STRATEGI 2.5: MEMBANGUNKAN KAWASAN-KAWASAN PERNIAGAAN BAHARU SEBAGAI PEMANGKIN EKONOMI DAERAH BESUT                                                                                   |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 4                                                                                                                                                                                     | PN 9  | Pembangunan Seberang Kastam Quayside                                                                                                             | MDB                    | MDB, Swasta                                 | MDB, Swasta                                             |                  |           |           | 200.0                |
| STRATEGI 2.6: PENGALAKKAN PENEMPATAN SEMULA INDUSTRI TIDAK TERANCANG KE KAWASAN INDUSTRI SEDIA ADA                                                                                    |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 5                                                                                                                                                                                     | PI 1  | Pembangunan Kawasan Perindustrian Gong Medang Fasa II                                                                                            | PMINT, MDB             | MDB, Swasta                                 | MDB, Swasta                                             |                  |           |           | 130.0                |
| STRATEGI 2.5: PEMBANGUNAN KAWASAN-KAWASAN PERNIAGAAN BAHARU SEBAGAI PEMANGKIN EKONOMI DAERAH BESUT                                                                                    |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 6                                                                                                                                                                                     | JL 23 | Pembinaan Kompleks Jeti Pelancongan di Seberang Kastam                                                                                           | MDB, Swasta            | MDB, Swasta                                 | MDB                                                     |                  |           |           | 200.0                |
| STRATEGI 2.10: PEMBENTUKAN PULAU PERHENTIAN SEBAGAI DESTINASI EKOPELANCONGAN PERDANA                                                                                                  |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 7                                                                                                                                                                                     | PL 10 | Pembangunan Hab Eko-Pelancongan Pulau Perhentian di Pantai Pasir Panjang                                                                         | MDB                    | MDB, Tourism Terengganu, Swasta             | MDB, Tourism Terengganu, Swasta                         |                  |           |           | 30.0                 |
| STRATEGI 2.11: PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN SENI, BUDAYA DAN WARISAN BERASASKAN KRITERIA KEUNGGULAN WARISANNYA UNTUK GENERASI AKAN DATANG                                            |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 8                                                                                                                                                                                     | PL 16 | Pembangunan warisan budaya di Kampung Warisan Kampung Raja                                                                                       | MDB                    | MDB, MOTAC, JWN, Tourism Terengganu, Swasta | MDB, JWN, Majlis Kebudayaan Daerah Besut, Swasta        |                  |           |           | 32.0                 |
| STRATEGI 2.16: PEMELIHARAAN NILAI KARAKTER LANDSKAP KAWASAN SEMULA JADI SEBAGAI ASET PEMBANGUNAN DAN PELANCONGAN DAERAH                                                               |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 9                                                                                                                                                                                     | LA 1  | Pembangunan landskap Taman Bandaran Jerthih                                                                                                      | MDB                    | MDB                                         | MDB                                                     |                  |           |           | 39.0                 |
| STRATEGI 3.1: MEMPERGIAT PEMBANGUNAN PERUMAHAN SECARA TERANCANG DI KAWASAN-KAWASAN PEMBANGUNAN UTAMA                                                                                  |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 10                                                                                                                                                                                    | PR 1  | Pembangunan Bandar Lestari (BL) BL Jerthih dan BL Tembila                                                                                        | MDB                    | MDB, Swasta                                 | MDB, Swasta                                             |                  |           |           | 500.0                |
| STRATEGI 3.5: MEMPERKASAKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT BAHARU DI KAWASAN PEMBANGUNAN UTAMA DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN HIERARKI PETEMPATAN, GARIS PANDUAN DAN KATEGORI IMPAK |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 11                                                                                                                                                                                    | KM 5  | Pembangunan Pusat Keselamatan Risiko Bencana dan Pusat Kuarantin Wabak Penyakit Berjangkit di Kg Renek, Mukim Jabi                               | MKN                    | KKM                                         | JKN, PDTB, JBPM, PDRM, ATM, APAM                        |                  |           |           | 5.0                  |
| STRATEGI 3.6: MEMBINA BANGUNAN INSTITUSI KERAJAAN DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG LENGKAP UNTUK MENYOKONG CADANGAN PUSAT PENTADBIRAN BAHARU DAERAH BESUT DI TEMBILA                     |       |                                                                                                                                                  |                        |                                             |                                                         |                  |           |           |                      |
| 12                                                                                                                                                                                    | KM 17 | Pembangunan hospital baharu Daerah Besut bertaraf Pakar Major di Tembila                                                                         | KKM                    | JKR                                         | JPN,PPD                                                 |                  |           |           | 450.0                |
